



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

PELAN STRATEGIK

SEKOLAH PENGAJIAN SISWAZAH (SPS)

2021-2023

KANDUNGAN:

1.0	PENGENALAN.....	2
1.1	Latarbelakang Sekolah Pengajian Siswazah.....	2
1.2	Visi, Misi dan Matlamat SPS.....	3
1.3	Program Siswazah.....	4
1.4	Struktur Organisasi.....	5
1.5	Jawatankuasa Berkaitan.....	6
2.0	PELAN STRATEGIK SPS 2021-2023.....	7
2.1	Latarbelakang Pelan Strategik SPS 2021-2023.....	7
2.2	Pemetaan KPI SPS 2021-2023 dengan Pelan Strategik UPM (PSUPM) 2021-2025.....	9
2.3	Status Pencapaian Pelan Strategik SPS bagi tahun 2021.....	12
2.4	Sasaran Pelaksanaan Pelan Strategik SPS untuk Tahun 2022-2023.....	28
3.0	PENUTUP.....	43
3.1	Pelaksanaan dan Pemantauan Hala Tuju SPS.....	43
3.2	Rujukan.....	44

1.0 PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Sekolah Pengajian Siswazah

- (i) Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) adalah merupakan pusat perkhidmatan dan pentadbiran yang ditubuhkan untuk membantu para pelajar lepasan ijazah, iaitu sepanjang proses bermulanya pendaftaran mereka di UPM sehinggalah tamat pengajian.
- (ii) Pada awalnya, ia ditubuhkan sebagai Unit Pengajian Siswazah pada tahun 1978, SPS kemudian berfungsi sepenuhnya sebagai Pejabat Sekolah Siswazah (GSO) pada bulan Februari 1993, untuk memberi perkhidmatan kepada pelajar siswazah yang jumlahnya semakin meningkat di UPM. Pada bulan Mac 2002, secara rasminya nama ditukar kepada Sekolah Pengajian Siswazah dan telah ditubuhkan sebagai pusat perkhidmatan yang mempunyai status yang sama dengan fakulti. Ini membawa peranan yang lebih besar dalam menguruskan semua program dan aktiviti siswazah di UPM.
- (iii) SPS diilhamkan bukan sahaja sebagai pusat perkhidmatan bagi memudahkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelajar siswazah, tetapi juga memainkan peranan yang penting dalam mengukuhkan status UPM sebagai Universiti Penyelidikan (RU). Antara peranan utama SPS:
 - Untuk memupuk budaya penyelidikan melalui pengurusan yang cekap dan berkesan dalam aktiviti penyelidikan siswazah.
 - Untuk membantu universiti menghasilkan graduan yang berilmu dan berkemahiran bagi memenuhi keperluan negara.
 - Untuk meningkatkan kualiti program siswazah mengikut piawaian badan akreditasi berkaitan.
 - Untuk meningkatkan keterlihatan dan reputasi program siswazah UPM di peringkat antarabangsa

1.2 Visi, Misi dan Matlamat SPS

Visi SPS

Menjadi sebuah sekolah siswazah terkemuka bertaraf antarabangsa.

Misi SPS

Menyediakan program siswazah berkualiti dalam melahirkan graduan berilmu dan berkepakaran yang dapat menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan negara.

Matlamat SPS

1. Memperkasakan program siswazah
2. Memantapkan pengurusan pelajar siswazah
3. Meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil penyelidikan
4. Meningkatkan kualiti penerbitan tesis
5. Melahirkan graduan siswazah yang holistik


1.3 Program Siswazah

- Lebih dari 300 bidang pengajian untuk program dengan penyelidikan yang merangkumi:
 - ✓ Master Sains Veterinar (M.V.Sc.)
 - ✓ Sarjana Sains (M.S.)
 - ✓ Sarjana Sastera (M.A)
 - ✓ Doktor Falsafah (PhD)
 - ✓ Doktor Kejuruteraan (Deng)

- 70 Program Master Secara Kerja Kursus (MSKK) yang ditawarkan oleh 12 fakulti dan 1 sekolah

- Lebih 10 Program Kerjasama Antarabangsa UPM (ICP UPM) dengan lebih 6 universiti atarabangsa iaitu program:
 - ✓ Joint PhD
 - ✓ Dual Master & PhD
 - ✓ Double Master & PhD
 - ✓ Cotutelle Doctoral Degree

1.4 Struktur Organisasi



1.5 Jawatankuasa Berkaitan

- ✓ JK Pengajian Siswazah Universiti (JKPSU)
- ✓ JK Semakan Siswazah (JKSS)
- ✓ JK Kecil Kurikulum Pengajian Siswazah Universiti (JKKKPSU)
- ✓ JK Kecil Pelantikan Penyelia dan Pemeriksa Tesis Pelajar (JKPPPTP)
- ✓ JK Kecil Semakan Tajuk Tesis (JKKSTT)
- ✓ JK Pemilih Biasiswa Pengajian Siswazah (JKPBPS)
- ✓ JK Kecil Pelarasan Pecah Kontrak dan Tuntutan Gantirugi GRF/GRA
- ✓ JK Pemilih Penerima Bantuan Kewangan Menyertai Pembentangan Antarabangsa dan Sangkutan Penyelidikan

2.0 PELAN STRATEGIK SPS 2021-2023

2.1 Latarbelakang Pelan Strategik SPS 2021-2023

- (i) Pada tahun 2021, satu Pelan Strategik Sekolah Pengajian Siswazah (SPS) 2021-2022 telah diluluskan pada Mesyuarat JK Pengurusan SPS ke-329 pada 24 Mac 2021 (Minit 329.10).

Pengurusan SPS telah bersetuju bahawa penetapan sasaran pencapaian bagi KPI Pelan Strategik SPS ini digubal secara dua tahun sekali, mengambil kira perubahan yang dinamik bagi skop siswazah yang tertakluk kepada peraturan semasa oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), dan juga kekangan serta perkembangan semasa sistem pengurusan maklumat pelajar (iGIMS/SMP).

- (ii) KPI yang digubal oleh SPS ini adalah bagi menyokong operasi dan hala tuju universiti dalam mencapai matlamat, misi dan visi yang ditetapkan. KPI ini juga adalah bersandarkan kepada kerangka sasaran keberhasilan utama Pelan Strategik UPM; iaitu termasuklah insan dan bakat masa hadapan, penarafan & pengantarabangsaan, kemampanan governan & tadbir urus. Semuanya ini adalah dengan hasrat bagi membina asas yang kukuh di SPS iaitu bakat dan kebolehan pekerja serta infrastruktur dan infostruktur bagi mencapai matlamat universiti, khususnya berkaitan skop siswazah.
- (iii) Secara keseluruhannya, dari segi operasi di SPS, berikut adalah KPI utama yang telah ditetapkan:

Bil.	KPI	Tindakan
1.	Mempertingkatkan Kualiti Perkhidmatan Pelanggan SPS	<ul style="list-style-type: none">● Pejabat Am Dekan● Unit Pengambilan● Unit Perhubungan Institusi & Bantuan Kewangan● Unit Tesis● Unit HEP & Media● Unit Akademik● Unit Kurikulum
2.	Mempertingkat Enrolmen Pelajar	<ul style="list-style-type: none">● Unit Pengambilan● Unit Perhubungan Institusi & Bantuan Kewangan● Unit Kurikulum

Bil.	KPI	Tindakan
3.	Memperkasakan Kualiti Program Pengajian Siswazah	<ul style="list-style-type: none"> ● Unit Akademik ● Unit Kurikulum
4.	Mengurangkan Jumlah Pelajar Yang Ditangguhkan Bergraduat Disebabkan Tidak Memenuhi Keperluan Penerbitan	<ul style="list-style-type: none"> ● Unit Tesis
5.	Mempertingkatkan Nilai Dan Potensi Pelajar Secara Holistik	<ul style="list-style-type: none"> ● Unit HEP dan Media
6.	Memperkasakan Tadbir Urus Tuntutan Gantirugi Pecah Kontrak Bantuan Kewangan Dalaman Pelajar Siswazah	<ul style="list-style-type: none"> ● Unit Perhubungan Institusi & Bantuan Kewangan

Setiap KPI ini telah ditetapkan beberapa Strategi KPI, Pelan Tindakan dan Sasaran Pencapaian Tahunan masing-masing, dan ianya akan dinilai semula pada setiap pertengahan tahun (HY1) dan penghujung tahun (HY2).

2.2 Pemetaan KPI SPS 2021-2022 dengan Pelan Strategik UPM (PSUPM) 2021-2025

- (i) Pelan Strategik SPS ini digubal untuk menyokong PSUPM 2021-2025, iaitu dengan memastikan setiap pelan tindakan dan sasaran pencapaian yang disasarkan adalah berpaksikan Matlamat PSPUM 2021-2025, khususnya yang berkaitan dengan skop siswazah.
- (ii) Berikut adalah ringkasan pemetaan KPI SPS 2021-2022 dengan PSPUM 2021-2025:

PSPUM 2021-2025		Pelan Strategik SPS 2021-2022	
Matlamat 1: Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaraan Mendatang			
Objektif Strategik 2:	Membentuk Watak dan Potensi Graduan Yang Holistik	KPI 5: Mempertingkatkan Nilai Dan Potensi Pelajar Secara Holistik	<u>Strategi Tindakan:</u> Memberi pendedahan kepada pelajar siswazah berkenaan program Sokongan Pembelajaran (Putra Sarjana) yang melibatkan kluster pembangunan akademik, pembangunan profesional, etika & moral dan jaringan komuniti bagi meningkatkan pelajar bergraduasi dalam tempoh yang ditetapkan
Objektif Strategik 3:	Menambahkan Nilai dan Meningkatkan Keberkesanan Program Akademik Sepadan Dengan Keperluan Semasa	KPI 1: Mempertingkatkan Kualiti Perkhidmatan Pelanggan SPS	<u>Strategi Tindakan:</u> 1. Memantapkan modul PutraENROLL supaya lebih mesra pengguna untuk kepentingan pemohon, calon, dan pegawai yang bertanggungjawab (PYB) 2. Memantapkan sistem permohonan supaya lebih mesra pengguna untuk kepentingan pemohon, calon, dan pegawai yang bertanggungjawab (PYB) 3. Memantapkan pengetahuan staf tentang gred nilai kelayakan masuk. 4. Menaiktaraf bilik viva sedia ada dengan menyediakan keperluan yang bersesuaian dan kondusif.

PSPUM 2021-2025		Pelan Strategik SPS 2021-2022	
Matlamat 1: Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaraan Mendatang			
			<p>5. Memperkasa urus tadbir pelajar siswazah</p> <p>6. Penyediaan data siswazah yang berkualiti bagi tujuan pihak berkepentingan membuat keputusan</p> <p>7. Membantu mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif bagi pelajar siswazah</p>
		<p>KPI 2: Mempertingkatkan Enrolmen Pelajar</p>	<p><u>Strategi Tindakan:</u></p> <p>1. Mengadakan jalinan kerjasama dengan penaja/ kementerian/ agensi kerajaan luar.</p> <p>2. Mempelbagaikan program akademik yang membenarkan pelajar antarabangsa kekal berada di luar negara (Offshore, Open Distance Learning (ODL), online courses).</p> <p>3. Meningkatkan bilangan program ICP dengan universiti dikedudukan top 150 terbaik didunia</p> <p>4. Menyediakan inisiatif khas kepada pelajar ICP</p> <p>5. Menyediakan pakej tawaran yang menarik untuk program Master dan PhD Secara Industri</p> <p>6. Mengadakan jalinan kerjasama dengan WAZAN UPM</p>
		<p>KPI 3: Memperkasakan Kualiti Program Pengajian Siswazah</p>	<p><u>Strategi Tindakan:</u></p> <p>1. Membangunkan program Micro-Credentials (MC) siswazah</p> <p>2. Memastikan program siswazah UPM mengikut standard terkini (MQA/Program Profesional)</p>

PSPUM 2021-2025		Pelan Strategik SPS 2021-2022	
Matlamat 1: Melahirkan Watak Graduan Berdaya Tahan Mendepani Cabaraan Mendatang			
		KPI 4: Mengurangkan Jumlah Pelajar Yang Ditangguhkan Bergraduat Disebabkan Tidak Memenuhi Keperluan Penerbitan	<u>Strategi Tindakan:</u> Memberi kesedaran/ peringatan kepada pelajar keperluan penerbitan sebelum bergraduat.
		KPI 6: Memperkasakan tadbir urus tuntutan gantirugi pecah kontrak bantuan kewangan dalaman pelajar siswazah.	<u>Strategi Tindakan:</u> 1. Meningkatkan kesedaran berkaitan implikasi kepada pecah kontrak kerana tidak menghasilkan penerbitan/tidak tamat pengajian 2. Bekerjasama dengan Pejabat Bursar dan PPUU bagi memantapkan pengurusan tuntutan ganti rugi pecah kontrak pelajar siswazah kerana tidak menghasilkan penerbitan/tidak tamat pengajian

PSPUM 2021-2025		Pelan Strategik SPS 2021-2022	
Matlamat 5: Memperteguh Tadbir Urus Institusi, Kemampanan Kewangan dan Amalan Kelestarian Hijau			
Objektif Strategik 2:	Mengoptimumkan Bakat dan Kapasiti Sumber Manusia	KPI 1: Mempertingkatkan Kualiti Perkhidmatan Pelanggan SPS	<u>Strategi Tindakan:</u> 1. Meluaskan pengetahuan kerja staf SPS sebagai pakar 'Produk' SPS 2. Menyediakan staf pelaksana SPS sebagai 'Duta Siswazah'

2.3 Status Pencapaian Pelan Strategik SPS bagi tahun 2021

Berikut adalah status pencapaian mengikut Unit yang dilaporkan bagi tahun 2021:

Bil	KPI	Strategi KPI	Pelan Tindakan	Sasaran pelaksanaan 2021	Tanggung-jawab	Pencapaian 2021
1.	Mempertingkatkan Kualiti Perkhidmatan Pelanggan SPS	1.Meluaskan pengetahuan kerja staf SPS sebagai pakar 'Produk' SPS	1. Mengadakan sesi latihan in-house (<i>sharing session</i>) oleh Pegawai SPS berdasarkan kepakaran kerja masing-masing	Staf diberi orientasi/latihan khas berkaitan peraturan siswazah dan prosedur kerja	Pejabat Am Dekan / TPLS	<p>Secara keseluruhannya, sebanyak 16 sesi perkongsian telah dijalankan secara <i>zoom meeting</i> sepanjang 2021 dengan mengambil masa minimum 1 jam setengah sehingga maksimum 2 jam.</p> <p>Program ini terbahagi kepada dua (2) pusingan, iaitu pada pusingan pertama setiap Ketua Unit di SPS menyampaikan perkongsian mengenai proses kerja di unit masing-masing dengan matlamat agar staf dari unit lain juga boleh menghayati skop kerja unit lain. Terdapat juga sesi penilaian di mana kuiz diberikan kepada peserta di akhir program bagi membolehkan Ketua Unit dapat melihat keberkesanan penyampaian perkongsian yang diberikan. Seterusnya, bagi pusingan kedua, penyampaian perkongsian pengetahuan ini disampaikan oleh staf pelaksana mengikut unit masing-masing bagi melihat penyampaian skop kerja staf pelaksana daripada pespektif mereka. Selain itu, terdapat juga sesi perkongsian tambahan bagi menambah nilai warga SPS, antaranya termasuklah topik penulisan surat rasmi, tatacara</p>

Bil	KPI	Strategi KPI	Pelan Tindakan	Sasaran pelaksanaan 2021	Tanggung-jawab	Pencapaian 2021
						menyelenggara <i>google form</i> dan <i>zoom meeting</i> dan lain-lain lagi.
			2. Mengadakan 'crash course' Bahasa Inggeris	Diberi kursus oleh CALC spesifik untuk pengurusan pelanggan di kaunter dan respon pertanyaan emel - Feb	Pejabat Am Dekan	Telah diadakan pada 3, 10,17 dan 24 Februari 2021 secara online oleh CALC dengan penyertaan semua Pegawai Pelaksana SPS (Kos: RM 2,200)
			3. Mengadakan penilaian kecekapan pengetahuan mengenai UPM dan 'Produk' SPS	Penilaian kecekapan pengetahuan bagi setiap latihan dalaman, dan penilaian keseluruhan setiap 6 bulan	Pejabat Am Dekan	<p>Penilaian pengetahuan berkaitan prosedur kerja dan peraturan semasa dalam menjalankan kerja-kerja harian di SPS berdasarkan sesi perkongsian pengetahuan yang telah dilaksanakan ini telah dibuat pada 13 Ogos 2021, iaitu setelah selesai pusingan pertama.</p> <p>Penilaian ini dirancang akan dibuat sekali lagi bagi dapat melihat perbezaan pengetahuan staf pada penghujung tahun 2021, iaitu setelah selesai pusingan kedua. Namun begitu, ianya ditangguhkan berikutan terdapat dua lagi sesi belum diselesaikan.</p>
		2. Menyediakan staf pelaksana SPS sebagai 'Duta Siswazah'	Memberi pendedahan kepada staf pelaksana SPS dengan melibatkan diri dalam aktiviti promosi UPM/aktiviti kesukarelawanan (termasuk online)	Penglibatan sekurang-kurangnya seorang staf pelaksana SPS	Pejabat Am Dekan/ Unit Pengambilan	Pada tahun 2021, UPM Postgraduate Virtual Open Day 2021 telah dilaksanakan sebanyak dua kali oleh Bahagian Promosi UPM, iaitu pada 19 Jun 2021 dan pada 20-21 Nov 2021. Semasa program ini staf pelaksana SPS dari pelbagai unit (selain Unit Pengambilan) telah turut terlibat untuk menjawab Q&A di chat box serta FB online. Iaitu termasuklah:

Bil	KPI	Strategi KPI	Pelan Tindakan	Sasaran pelaksanaan 2021	Tanggung-jawab	Pencapaian 2021
						<ol style="list-style-type: none"> 1. Cik Thuaibah (Unit HEP & Media) 2. En Syauqi (Unit Akademik) 3. Cik Farah Edura (Unit PI)
		3. Memantapkan modul PutraENROLL supaya lebih mesra pengguna untuk kepentingan pemohon, calon, dan pegawai yang bertanggung-jawab (PYB)	Menambahbaik proses aliran kerja setiap modul berdasarkan pengalaman pendaftaran Semester Pertama 2020/2021. (Bursar)	<ol style="list-style-type: none"> 1) Modul SGS -kaedah semakan yang lebih mudah bagi setiap staf admin 2) Modul <i>Health Status</i> (PKU) <ul style="list-style-type: none"> - Susunan senarai mengikut abjad - wujudkan sub pemantauan status MC yang belum selesai 3) Modul <i>Payment</i> <ul style="list-style-type: none"> - bayaran dibenarkan selepas program kategori ditetapkan -semakan pelajar tajaan dipindahkan ke Bursar 4) Modul <i>Search</i> diwujudkan untuk menyemak 'history' PutraENROLL calon 5) Modul <i>setting</i> Kalendar diwujudkan bagi memudahkan penetapan tarikh tutup dan buka PutraENROLL dibuat oleh SGS 6) Modul IPUTRA <ul style="list-style-type: none"> - tambah <i>dropdown list</i> jenis visa 	Unit Pengambilan dan Puan Salwati	<ol style="list-style-type: none"> 1) PutraENROLL ADMIN SGS telah disatukan dengan PutraENROLL ADMIN UG BAKD melalui http://putraenroll.upm.edu.my/index.php. Proses semakan mengikut seksyen lebih mudah berbanding proses pengesahan PutraENROLL sebelumnya melalui iGIMS. 2) Modul Health Status juga telah ditambahbaik sebagaimana yang diperlukan oleh pihak PKU. 3) Modul Payment juga ditambahbaik sebagaimana ketetapan pihak Bursar. 4) Modul Search telah diwujudkan. 5) Kini, Admin SGS boleh setting sendiri tempoh pendaftaran tanpa perlu melalui iDEC. 6) Dropdown jenis visa telah ditambah dalam modul IPUTRA.

Bil	KPI	Strategi KPI	Pelan Tindakan	Sasaran pelaksanaan 2021	Tanggung-jawab	Pencapaian 2021
		4. Memantapkan sistem permohonan supaya lebih mesra pengguna untuk kepentingan pemohon, calon, dan pegawai yang bertanggung-jawab (PYB)	1. Mengaktifkan auto emel <i>reminder</i> untuk status <i>completed, incomplete, approved/approved provisional</i> tetapi masih belum mendaftar	Memohon penyelenggaraan berkenaan auto emel reminder berkenaan status: - <i>completed</i> - <i>incomplete</i> - <i>approved / approved (provisional)</i> yang belum mendaftar Calon akan menerima peringatan berkala sekurang-kurangnya 2 kali bagi kes-kes tertentu.	Unit Pengambilan dan Puan Salwati	<i>Auto reminder</i> telah siap berfungsi kecuali bagi: 1. <i>Completed</i> 2. Calon yang belum berdaftar
			2. Menambah baik sistem permohonan mengikut <i>flow</i> permohonan dan kelulusan yang baharu	1) Wujudkan Bank program mengikut 5 kepakaran utama pensyarah. Semua bidang Pengajian bagi program secara penyelidikan diletakkan di bawah SPS. 2) Pemohon memohon bidang pengajian dahulu dan memilih PTJ mengikut dimana bakal penyelia ditempatkan. 3) Proses kelulusan bermula dengan pengesahan penyelia/penyelaras dan disokong oleh TD sebelum pihak	Unit Pengambilan dan Puan Salwati	Borang penyelenggaraan pindaan flow permohonan telah dimajukan namun, sekarang, masih dalam peringkat pengemaskinian modul bidang dan 5 kepakaran (dimasukkan semula tindakan ini dalam sasaran pencapaian 2022).

Bil	KPI	Strategi KPI	Pelan Tindakan	Sasaran pelaksanaan 2021	Tanggung-jawab	Pencapaian 2021
				SPS mengeluarkan surat tawaran.		
			3. Mewujudkan <i>feature</i> pada sistem di mana sistem dapat mengenalpasti pelajar sedia ada UPM yang layak dari CGPA untuk memohon ke program pengajian yang lebih tinggi. (penambahbaikan ke atas SMP dan SGSPORTAL untuk menambah <i>features</i> yang dapat mengenal pasti pelajar yang mempunyai CGPA 3.00 ke atas untuk layak memohon ke peringkat Master di UPM).	1) Menyemak maklumat-maklumat penting setiap program bagi mewujudkan <i>features</i> pengenalpastian calon yang layak memohon ke program tersebut. 2) Menyediakan draf modul. 3) Proses semakan kebolehlaksanaan cadangan modul.	Unit Pengambilan dan Puan Salwati	Perkara ini telah dicadangkan dimasukkan dalam projek SMP 4.0 memandangkan sistem tersebut akan menggunakan server yang sama. Modul akan lebih mudah dilakukan kerana capaian data yang mudah. Maka, perkara ini dicadangkan dikeluarkan dalam pelan tindakan ini.
		5. Menaiktaraf bilik viva sedia ada dengan menyediakan keperluan yang bersesuaian dan kondusif.	Menambahbaik keperluan infrastruktur (seperti <i>camera</i> , <i>speaker phone</i> dll) yang bersesuaian untuk kegunaan semasa sesi viva voce secara dalam talian.	Membuat permohonan dan memastikan keperluan berkaitan dilengkapi untuk Bilik Viva 2, 3, 5 dan 6.	Unit Tesis dan Pejabat Am Dekan	Penambahbaikan keperluan infrastruktur dalam Bilik Viva 2, 3, 5 dan 6 adalah bertujuan untuk memudahkan pelaksanaan viva secara online dengan Pemeriksa Luar (sekiranya hadir) semasa sesi viva pelajar secara bersemuka. Berdasarkan kepada situasi semasa pandemik yang berlarutan dari tahun 2020 hingga 2021, cadangan penambahbaikan ini ditangguhkan terdahulu memandangkan

Bil	KPI	Strategi KPI	Pelan Tindakan	Sasaran pelaksanaan 2021	Tanggung-jawab	Pencapaian 2021
						sesi viva pelajar masih diteruskan secara dalam talian di sepanjang tahun 2021.
		6. Memperkasa urus tadbir pelajar siswazah	<p>1.Menggantikan penggunaan borang manual kepada borang atas talian melalui sistem iGIMS:</p> <p>a) Permohonan Naik Taraf program Master ke PhD b) Pelbagai jenis surat pengesahan pelajar c) Permohonan Semakan Gred d) GS 10(b) - penamaan semula JK penyeliaan e) Permohonan pemindahan kredit f) Permohonan tarik diri</p>	Sediakan deraf modul dan pembentukan borang-borang berkaitan (ground work)	Unit Akademik dan Puan Salwati	Pada tahun 2021 pelan tindakan tidak dapat dilaksanakan memandangkan Unit Akademik lebih memfokus kepada pindaan yang dikeluarkan oleh MQA berdasarkan kepada SMDD Edisi Kedua tahun 2021 dan juga penambahbaikan kepada prosedur/arahan kerja yang berkaitan dengan Unit Akademik berdasarkan kepada penemuan Audit Dalaman UPM Tahun 2021.
			<p>2. Penambah-baikan kepada sistem i-GIMS:</p> <p>i) Notifikasi secara automatik dalam sistem iGIMS ii) Pertukaran status pengajian pelajar daripada manual kepada secara automatik</p>	Cadangan dan penambahbaikan akan dibincangkan bersama pihak IDEC bermula tahun 2021 dimana bagi peringkat awal, Unit Akademik akan menyediakan maklumat terkini berkenaan status pelajar dan penentuan tarikh/masa/	Unit Akademik dan Puan Salwati	Pada tahun 2021 dengan bantuan daripada pihak IDEC, notifikasi secara automatik telah dapat dilaksanakan semula khususnya bagi permohonan pelajar (penangguhan, GS-11, Pendaftaran kursus) yang memerlukan tindakan lanjut oleh Penyelia/Pensyarah/ Timbalan Dekan.

Bil	KPI	Strategi KPI	Pelan Tindakan	Sasaran pelaksanaan 2021	Tanggung-jawab	Pencapaian 2021
			<ul style="list-style-type: none"> - <i>Dropped</i> - <i>Withdraw</i> - <i>suspended</i> - <i>terminated</i> - <i>provisional</i> 	kekerapan notifikasi dikeluarkan		Walau bagaimanapun bagi status pengajian pelajar secara manual masih tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2021 kerana masih terdapat kekangan daripada aspek penentuan status pengajian pelajar (sebagai contoh status <i>Withdraw</i> dimana pelajar sepatutnya dijatuhkan status tersebut secara automatik selepas tamat dua (2) semester berturut kerana tidak mendaftar/berstatus <i>Dropped</i>).
			3. Mengemaskini buku Graduate Rules bagi rujukan pelajar dan pensyarah	<ul style="list-style-type: none"> • Mengemaskini Graduates Rules berdasarkan keputusan Senat sehingga Januari 2021 • Mengadakan perbincangan dengan PPUU berkaitan penyediaan arahan kerja bagi mengemaskini Graduate Rules-Jul 2021 • Bawa ke Senat-Ogos 2021 • Memuatnaik Graduate Rules terbaharu dalam 	Unit Akademik	Draf pindaan akhir telah dilengkapkan. Bagi tindakan selanjutnya cadangan tersebut akan dimajukan kepada PPUU sebelum satu siri bengkel diadakan untuk melihat semula dan menambahbaik kaedah penulisan <i>Graduate Rules</i> supaya lebih jelas dan mudah difahami oleh semua pihak yang berkepentingan sebagai rujukan. <i>Graduate Rules</i> ini tidak dapat diterbitkan pada tahun 2021 kerana terdapat beberapa pindaan daripada MQA (SMDD Edisi Kedua 2021) di mana cadangan pindaan tersebut perlu diperhalusi dan seterusnya dibincangkan dan diluluskan di peringkat JKPSU dan Senat.

Bil	KPI	Strategi KPI	Pelan Tindakan	Sasaran pelaksanaan 2021	Tanggung-jawab	Pencapaian 2021
				laman web SPS-Dis 2021		
		7. Penyediaan data siswazah yang berkualiti bagi tujuan pihak berkepentingan membuat keputusan	<p>Mewujudkan garis panduan penyediaan data seperti:</p> <p>a) Cara permohonan data daripada PTJ lain (dalam universiti)</p> <p>b) Cara penyediaan (kekerapan, tempoh, sumber rujukan seperti templat/fail oracle, penganjur/pemohon data):</p> <ul style="list-style-type: none"> • Fakulti/Sekolah/ Institut • SETARA (Rating System for Malaysian Higher Education Institutions) • THE Impact Ranking • QS Ranking- Asia University Ranking, World University Ranking • UI-Greenmetric World Ranking University 	<p>1. Pembangunan garis panduan penyediaan data</p> <p>2. Mewujudkan fail oracle yang spesifik</p> <p>3. Melatih staf Unit melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Bengkel yang disampaikan oleh pihak iDEC, BAKD, RMC -Latihan Kendiri (dalam SPS) 	Unit HEP & Media	<p>1. Setakat 21 Januari 2021 antara garis panduan untuk data seperti berikut telah disediakan di peringkat unit:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Enrolmen • Graduan • QS Ranking • MyRA • MyMoheS • QS Ranking <p>2. Antara file oracle yang telah diwujudkan adalah seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Enrolmen • Graduan • MyRA • MyMoheS • QS Ranking <p>Manakala berikut yang tidak capai:</p> <ul style="list-style-type: none"> • UI-Greenmetric World Ranking University • SETARA • The Impact Ranking <p>3. Setakat 4 Januari 2022, bengkel kecil hanya dilaksanakan diperingkat unit sahaja. Akan diluaskan kepada unit lain setelah melengkapkan garis panduan data mining 100% (cadangan sebelum Jun 2022)</p>

Bil	KPI	Strategi KPI	Pelan Tindakan	Sasaran pelaksanaan 2021	Tanggung-jawab	Pencapaian 2021
2.	Mempertingkatkan Enrolmen Pelajar Antarabangsa	1. Mengadakan jalinan kerjasama dengan penaja/ kementerian/ agensi kerajaan luar.	1. Mengenalpasti bakal penaja baharu (Contohnya penaja di bawah SEMEO, bank, industri).	1 penaja baharu	Unit Perhubungan Institusi	MoU telah tersedia dan dalam proses tandatangan sekitar bulan Feb 2022. Kerjasama dan perbincangan awal telah dilaksanakan antara SPS dengan pihak World Assembly of Muslim Youth (WAMY) Malaysia. Memandangkan kerjasama yang dicadangkan turut melibatkan pelajar UG dan PG, oleh itu dokumen kerjasama telah dipersetujui agar diselaraskan dan diterajui oleh Bahagian Akademik (Seksyen Promosi Akademik).
			2. Mendapatkan input dari fakulti nama penaja berpotensi dalam dan luar negara	Sekurang-kurangnya 1 nama penaja baharu dalam/luar negara	Unit Perhubungan Institusi	Satu kaji selidik telah dilaksanakan kepada semua PTJ pada 9 September 2021 bagi mendapatkan maklumat penaja yang berpotensi. Hasil kaji selidik ini, sebanyak 7 bakal penaja telah dikenalpasti dan boleh dipertimbangkan oleh SPS.
			3. Menambah bilangan joint scholarship menggunakan tabung amanah ICP	1 joint scholarship	Unit Perhubungan Institusi	Tidak Tercapai <u>Inisiatif kewangan lain:</u> Unit PI telah berjaya 'secure' pewujudan geran baharu iaitu 'Young Researcher Grant' melalui UC dan mereka berbesar hati untuk menerima cadangan ini. Dokumentasi dan perincian maklumat geran telah dihantar

Bil	KPI	Strategi KPI	Pelan Tindakan	Sasaran pelaksanaan 2021	Tanggung-jawab	Pencapaian 2021
						<p>kepada SEARCA dan akan dibawa untuk pertimbangan UC.</p> <p>Geran ini merupakan alternatif bantuan kewangan yang boleh dimohon oleh pensyarah muda bagi menyokong aktiviti penyelidikan di UPM.</p>
		2.Mempelbagai-kan program akademik yang membenarkan pelajar antarabangsa kekal berada di luar negara (Offshore, Open Distance Learning (ODL), online courses).	Bekerjasama dengan institut penyelidikan antarabangsa sebagai pusat ODL luar negara dengan melantik penyelidik di sana sebagai penyelia bersama.	Fasa mengenalpasti, membuat rundingan dan perincian	Unit Perhubungan Institusi	<p>Tidak capai.</p> <p><u>Inisiatif lain:</u> Pada tahun 2021, Unit PI memfokuskan kepada pembentukan kursus microcredential. Cadangan mewujudkan kursus microcredential telah dikemukakan dan draf kertas cadangan telah disediakan. Kertas cadangan ini dalam proses penambahbaikan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh CADe sekitar bulan September 2021.</p> <p>Sebagai tambahan, pada 18 Jan 2022, Unit PI dan Dekan SPS telah menghadiri bengkel cadangan pembentukan/penawaran kursus 'micro-credential' daripada Program MS FSCC yang dikoordinasi oleh SEARCA di bawah projek pembiayaan ERASMUS+. Kini semua ahli UC sedang menyediakan proposal sebagaimana yang dipersetujui semasa bengkel ini.</p>

Bil	KPI	Strategi KPI	Pelan Tindakan	Sasaran pelaksanaan 2021	Tanggung-jawab	Pencapaian 2021
		3. Meningkatkan bilangan program ICP dengan universiti dikedudukan top 150 terbaik didunia	Bekerjasama dengan universiti terbaik di Jepun, Singapura, China dan Australia	1 universiti	Unit Perhubungan Institusi	<p>Tidak capai.</p> <p>Komunikasi awal melalui emel telah dilaksanakan dengan dua buah universiti iaitu seperti NUS dan NTU namun tiada maklumbalas diterima. Pada tahun 2022, Unit PI akan mengenalpasti kaedah 'approach' yang lebih berkesan bagi memulakan kerjasama dengan universiti 150 terbaik dunia.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, dua kerjasama baharu yang telah ditandatangani pada tahun 2021 adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • MOU antara UC dan SUC- ACAP • MoA Joint Master and PhD antara UPM- SUT, Iran <p>Dalam masa yang sama, Unit PI sedang mengendalikan kira-kira 10 perjanjian termasuk yang baharu dan 'renewal'</p>
		4. Menyediakan inisiatif khas kepada pelajar ICP	Mempelbagaikan ToR Tabung Amanah ICP yang dapat meringankan beban pelajar ICP	Fasa perbincangan dan mendapatkan kelulusan	Unit Perhubungan Institusi	<p>Tercapai.</p> <p>Cadangan penyediaan bantuan kewangan kepada pelajar ICP bagi memenuhi keperluan residensi di universiti kerjasama telah disediakan dan dihantar untuk ulasan awal oleh pihak SKP Bursar. Kertas ini akan ditambahbaik sebagaimana maklumbalas bursar.</p>

Bil	KPI	Strategi KPI	Pelan Tindakan	Sasaran pelaksanaan 2021	Tanggung-jawab	Pencapaian 2021
3.	Mengurangkan Jumlah Pelajar Yang Ditangguhkan Bergraduat Disebabkan Tidak Memenuhi Keperluan Penerbitan	Memberi kesedaran/ peringatan kepada pelajar keperluan penerbitan sebelum bergraduat secara berkala.	1. Menambahbaik sistem iGIMS untuk membenarkan pelajar memajukan maklumat penerbitan jurnal/chapter in book setelah 'accepted/ published' mengikut keperluan pada bila-bila masa.	Menambahbaik modul penerbitan yang telah dibangunkan terdahulu mengikut keperluan terkini dan membuat pengujian sebelum digunakan.	Unit Tesis dan Pn. Salwati	Modul penerbitan yang melibatkan proses kemaskini maklumat penerbitan dalam iGIMS berdasarkan borang GS-25 masih dalam proses semakan semula (setelah ditangguhkan terdahulu) dan penambahbaikan dengan keperluan penerbitan terkini untuk pelajar bidang Sains Sosial. Pengujian semula perlu dilaksanakan yang dijangkakan pada tahun 2022. Peringatan secara automatik kepada pelajar pada akhir semester akan dilaksanakan selepas pelaksanaan modul penerbitan.
			2. Menambahbaik sistem iGIMS agar peringatan keperluan penerbitan untuk bergraduat secara automatik dapat diberikan kepada pelajar (bagi program secara penyelidikan) pada setiap akhir semester.	Membuat permohonan dan perancangan cara pelaksanaan emel peringatan secara automatik kepada pelajar pada setiap akhir semester. Emel peringatan ini adalah berkaitan dengan modul penerbitan yang dibangunkan.	Unit Tesis	
4.	Mempertingkatkan Nilai Dan Potensi Pelajar Secara Holistik	Memberi pendedahan kepada pelajar siswazah berkenaan program Sokongan Pembelajaran (Putra Sarjana) yang melibatkan kluster	1. Mewujudkan sistem Putra Sarjana menggunakan domain yang sama dengan Student Portal dan penambahan modul Putra Sarjana. Modul ini melibatkan beberapa sub modul seperti:	Pembangunan Sistem Putra Sarjana dan penambahbaikan sistem berdasarkan kepada penggunaan staf Unit	Unit HEP & Media dan Puan Salwati Abd Ghani	Pembangunan Sistem Putra Sarjana masih belum dapat dibuat kerana buat masa kini pegawai yang ditugaskan untuk membangunkan sistem tersebut masih dalam proses untuk membangunkan modul seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> • Modul permohonan bidang • Modul sponsorship • Modul mobility • Modul ICP

Bil	KPI	Strategi KPI	Pelan Tindakan	Sasaran pelaksanaan 2021	Tanggung-jawab	Pencapaian 2021
		pembangunan akademik, pembangunan profesional, etika & moral dan jaringan komuniti bagi meningkatkan pelajar bergraduasi dalam tempoh yang ditetapkan	a. Pelantikan penceramah b. Hebahan program c. Pendaftaran program d. Paparan Utama Sistem Putra Sarjana e. Notifikasi f. Pelaporan g. Pembayaran Honorarium Contoh sistem yang ingin dibangunkan https://spms.rurallink.gov.my/v1/			<ul style="list-style-type: none"> Modul research attachment/seminar Unit HEP dan Media telah mengemukakan kerangka awal modul sistem Putra Sarjana kepada pegawai yang berkaitan dan Perbincangan awal juga telah dibuat bagi memastikan kelancaran pembangunan sistem Putra Sarjana dibuat kelak. Dijangka pembangunan sistem ini dapat dibuat seawal Jun 2022.
